

**PENGHASILAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI PROSEDUR PENUBUHAN  
SYARIKAT AWAM BERHAD BAGI MATA PELAJARAN KEUSAHAWANAN  
UNTUK PELAJAR DI POLITEKNIK**

**WAN AJRUL ASWARD BIN WAN HASHIM**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejureraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

Alhamdulillah...

Syukur ke-hadrat Allah S.W.T atas rahmat dan keizinan-Nya  
Dapat melengkapkan projek sarjana ini

**Teristimewa Buat Wan Dan Mami Yang Tercinta,**

*“Terima kasih Di Atas Segala-galanya  
Tiada harta Di Dunia Ini Yang Setanding Nilainya  
Dengan pengorbanan Yang Dilakukan”*

**Pensyarah–pensyarah** yang dihargai  
Ilmu jadi panduanku

&

Teman-teman seperjuanganku

Man, Pie, Die, Chot, Mie, Coach dan Zal

Kuhargai jalinan persahabatan, ingatlah detik-detik kita bersama.



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kepada Allah SWT yang mengizinkan saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Semoga dengan usaha saya yang tidak seberapa ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berkenaan serta mampu memberi maklumat yang berguna kepada sesiapa jua yang membacanya. Inshaallah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khas buat pensyarah pembimbing yang dihormati, Tn. Hj. Kamaruddin bin Khalid di atas bimbingan, dorongan, kepercayaan serta komitmen yang diberikan sepanjang penghasilan Projek Sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para responden terutama kepada pensyarah Jabatan Perdagangan di POLIMAS kerana telah memberi kerjasama sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Seterusnya, penghormatan yang tinggi kepada keluarga tercinta, rakan-rakan sepejuangan yang dikasihi serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas dorongan, teguran yang positif serta nasihat yang berguna agar kajian dapat disempurnakan dengan jayanya, alhamdulillah.

*“ Sesungguhnya segala yang baik itu datangnya dari Allah SWT dan buruk itu datangnya dari kelemahan diri saya sendiri. Wassalam ”.*

## ABSTRAK

Para pendidik sedar akan kewujudan perbezaan individu dikalangan para pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenar, kita dapati bahawa pelajar biasanya terikat pada turutan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran yang sama. Salah satu cara digunakan untuk menangani masalah ini ialah mengindividukan pengajaran dengan menggunakan modul pengajaran sendiri (MPK). Kajian ini memperkenalkan penggunaan MPK sebagai alat bahan bantu mengajar yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Keusahawanan iaitu topik prosedur penubuhan Syarikat Awam Berhad. Responden terdiri daripada 36 orang pelajar semester enam, Diploma Akauntansi di POLIMAS. Objektif kajian adalah menghasilkan MPK yang dapat meningkatkan pemahaman pelajar serta mengenalpasti kebolehlaksanaannya daripada aspek pemahaman, isi kandungan, sifat mesra pengguna dan aktiviti pembelajarannya. Selain itu, mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan MPK tersebut. Satu kajian eksperimental telah dijalankan. Set soalan pra-ujian, pos-ujian dan set soal selidik merupakan instrumen yang telah digunakan di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan respon responden adalah positif atau setuju terhadap kebolehlaksanaan MPK tersebut. Prestasi pencapaian pelajar telah meningkatkan selepas menggunakan MPK tersebut. Ini terbukti, apabila pos-ujian dijalankan menunjukkan peningkatan berbanding pra-ujian. Analisis Ujian T juga mendapati wujud perbezaan yang signifikan antara min markah pra-ujian dengan pos-ujian. Ini membuktikan bahawa MPK yang dihasilkan adalah sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran masa kini.

## ABSTRACT

Educators are aware of individual differences in students. In most classrooms, students are still locked into the same instructional sequence with the same learning materials. Individualized instruction may appear to be easy solution with use of Self-Regulated Module. The purpose of the research is to introduce the use of Self-Regulated Module as one of effective teaching material in the Entrepreneurial subject of tittle procedure to registered company. Respondent of the research are 36 six semester student in Diploma Accountancy at POLIMAS. The objectives of this study are produce MPK where it can improve level of understanding among students and identify level of usefulness from as comprehension, contents, user friendly and learning activity. Afterward, identifying effect applied MPK where it have different result before and after applied MPK. One experimental study has been done. The instrument used in this study are pre-test, post test and questionnaire. From the study, students show positive attitude toward the module approach. The results of study shown mean of post test was very high compare to mean of pre-test. Besides that, the T Test analysis is showed that there is significant differences between min score of pre-test and min score post-test. It clearly approved that MPK had produced are appropriate as a learning and teaching resources.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN PENULIS</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	9

1.5	Tujuan Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Kerangka Teori	12
1.10	Skop Kajian	14
1.11	Batasan Kajian	15
1.12	Definisi Istilah	15

## **II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Pengajaran Yang Berkesan	18
2.3	Proses Pengajaran	20
2.4	Model Pengajaran Sistematis	21
2.5	Model Pengajaran Asas	23
2.6	Pengajaran-Pembelajaran Berasaskan Bahan	25
2.7	Modul Pengajaran Kendiri	26
2.8	Pengajaran Bermodul	28
2.9	Perbandingan Di Antara Pengajaran Tradisional Dan Pengajaran Bermodul	29
2.10	Kaedah Pembelajaran Penguasaan	32
2.11	Kajian Penggunaan Modul Di Malaysia	33
2.12	Kesimpulan	35

## **III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	37

3.3	Prosedur Kajian	38
3.4	Pemilihan Sampel Kajian	40
3.5	Kajian Rintis	40
3.6	Sumber Data	41
3.7	Instrumen Kajian	42
3.8	Analisis Data	44
3.9	Kesahaan Isi MPK	46
3.10	Penutup	47

#### IV

#### REKA BENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	48
4.2	Latar Belakang Penghasilan Teori Produk	49
4.3	Objektif Modul Dihasilkan	50
4.4	Reka Bentuk Kajian	51
4.4.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk.	52
4.5	Jadual Kerja Penghasilan Produk	52
4.6	Kronologi Pembinaan Produk	53
4.7	Penilaian Produk	55
4.7.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	55
4.7.2	Fokus Penilaian	56
4.7.3	Cadangan Pembaikan	56
4.8	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	57
4.8.1	Bahan, Kos Dan Masa Pembinaan Produk	57
4.9	Penutup	59



## V ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	60
5.2	Analisis Data Ke Atas Instrumen Kajian	61
	Borang Soal Selidik	
5.2.1	Analisis Maklumat Latar Belakang Responden	62
5.2.1.1	Jantina Responden	62
5.2.1.2	Kumpulan Umur	63
5.2.1.3	Semester Pengajian	64
5.2.1.4	Kelayakan Ke POLIMAS	65
5.2.2	Analisis Kebolehlaksanaan MPK	65
5.2.2.1	Aspek Pemahaman	65
5.2.2.2	Aspek Isi Kandungan	69
5.2.2.3	Aspek Sifat Mesra Pengguna	73
5.2.2.4	Aspek Aktiviti Pembelajaran	76
5.2.3	Analisis Perbandingan Purata Min	80
5.3	Analisis Data Ke Atas Instrumen Set Soalan Pra-Ujian (Ujian Sebelum) Dan Pos Ujian (Ujian Selepas)	81
5.3.1	Analisis Skor Markah Pra-Ujian	81
5.3.2	Analisis Skor Markah Pos-Ujian	82
5.3.3	Perbandingan Analisis Skor Markah Yang Diperolehi Oleh Responden	83
5.3.4	Perbezaan Min Bagi Pemboleh Ubah Untuk Pra-Ujian (Ujian Sebelum) Dan Pos-Ujian (Ujian Selepas)	84
5.4	Rumusan	86

**VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan	87
6.2	Perbincangan Kajian	88
6.2.1	Persoalan Pertama Kajian	88
6.2.2	Persoalan Kedua Kajian	90
6.3	Kesimpulan	91
6.4	Cadangan	92
6.4.1	Cadangan Pembaikan MPK	92
6.4.2	Cadangan Penggunaan Di Politeknik	93
6.3	Penutup	95
	<b>RUJUKAN</b>	<b>97</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>101</b>



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	: Skala Likert	43
3.2	: Taburan Item Soal Selidik (BAHAGIAN B)	43
3.3	: Skala Tafsiran Julat Min	46
4.1	: Jadual Kerja Penghasilan Produk	53
5.1	: Taburan Responden Mengikut Jantina	62
5.2	: Jumlah Bilangan Responden Mengikut Kumpulan Umur	63
5.3	: Bilangan Responden Mengikut Semester Pengajian	64
5.4	: Bilangan Responden Mengikut Kelayakan Ke POLIMAS	65
5.5	: Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Pemahaman	67
5.6	: Tafsiran Min Bagi Item 1 Hingga 4	68
5.7	: Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Isi Kandungan	69
5.8	: Tafsiran Min Bagi Item 5 Hingga 16	71
5.9	: Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Sifat Mesra Pengguna	73
5.10	: Tafsiran Min Bagi Item 17 Hingga 26	75
5.11	: Hasil Analisis Skor Min Bagi Aspek Aktiviti Pembelajaran	77
5.12	: Tafsiran Min Bagi Item 27 Hingga 32	79
5.13	: Jadual Ringkasan Kesesuaian MPK	80
5.14	: Taburan Kekekapan Skor Pra-Ujian	82

5.15	:	Analisis Statistik Deskriptif Pra-Ujian	82
5.16	:	Taburan Kekerapan Skor Pos-Ujian	83
5.17	:	Analisis Statistik Deskriptif Pos-Ujian	83
5.18	:	Analisis Min Bagi Skor Pra-Ujian Dengan Pos-Ujian	83
5.19	:	Keputusan Signifikan Perbezaan Min	85



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	: Kerangka Teori	13
2.1	: Proses Pengajaran Mengikut Analisis Am	18
2.2	: Proses Pengajaran Mengikut Analisis Psikologi	19
2.3	: Proses Pengajaran Mengikut Analisis Pedagogi	20
2.4	: Pengajaran – Model Pendekatan Sistematis	22
2.5	: Model Pengajaran Asas	25
3.1	: Kerangka Operasi Untuk Prosedur Kajian	39
4.1	: Kronologi Penghasilan Produk	54
5.1	: Tafsiran Skor Min	61
5.2	: Peratusan Pecahan Responden Mengikut Jantina	63
5.3	: Peratusan Pecahan Responden Mengikut Umur	64
5.4	: Carta Bar Skor Min Bagi Item 1 Hingga Item 4	67
5.5	: Carta Bar Skor Min Bagi Item 5 Hingga Item 16	70
5.6	: Carta Bar Skor Min Bagi Item 17 Hingga Item 26	74
5.7	: Carta Bar Skor Min Bagi Item 27 Hingga Item 32	78

**SENARAI SINGKATAN**

ABBM	:	Alat Bahan Bantu Mengajar
IPTA	:	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPTeK	:	Jabatan Pendidikan Teknikal
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MPK	:	Modul Pengajaran Kendiri
P&P	:	Pengajaran Dan Pembelajaran
POLIMAS	:	Politeknik Sultan Halim Mu'adzam Shah
PB	:	Pengajaran Bermodul
SSM	:	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SDT	:	Soalan Dalam Teks
SPK	:	Soalan Penilaian Kendiri

**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN****TAJUK**

LAMPIRAN A	:	Analisis Kajian Rintis
LAMPIRAN B	:	MPK Prosedur Penubuhan Syarikat Awam Berhad
LAMPIRAN C	:	Borang Soal selidik (Pelajar)
LAMPIRAN D	:	Soalan Pra & Pos-Ujian
LAMPIRAN E	:	Surat Pengesahan Pakar (Pensyarah)
LAMPIRAN F	:	Analisis Data (Ujian T)
LAMPIRAN G	:	Surat Memohon Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian Akademik

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam pendidikan, terdapat minat dan usaha yang meningkat untuk memperkenalkan kaedah–kaedah pengajaran baru. Ini adalah ekoran daripada kehendak untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang lebih cekap dan juga boleh disesuaikan dengan keadaan dan keperluan berbanding kaedah tradisional (Eijl dalam Shaharom Noordin, 1994). Kaedah pengajaran perlu disesuaikan mengikut keadaan dan keperluan semasa telah disedari dan diamalkan dalam kebanyakan pendekatan pengajaran. Di antara pendekatan pengajaran yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan pembelajaran penguasaan, pendekatan pembelajaran terancang atau pendekatan pengajaran bermodul. Ia bertujuan untuk membantu para pelajar dalam proses pembelajaran supaya lebih efektif dan cekap.



Sejak kebelakangan ini, berbagai langkah telah diambil untuk mengembangkan potensi individu pelajar seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Memandangkan hasrat yang ingin dicapai itu begitu baik terutama sekali pada diri para pelajar. Maka, sepatutnya semua pihak terlibat dalam dunia pendidikan di negara ini mengembleng tenaga dan fikiran untuk sama-sama memberi sumbangan yang boleh diberikan ke arah mencapai matlamat pelajar tersebut. Dalam hal ini, proses P&P yang diamalkan oleh para pendidik merupakan aspek penting yang dapat menyumbangkan kepada mencapai matlamat tersebut.

Penggunaan teknologi pendidikan semakin berkembang dengan begitu pesat dalam dunia pendidikan memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan cara terbaik sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara. Mekanisma pengajaran dan pembelajaran memberi cabaran yang betul kepada pelajar dan menyediakan maklum balas tepat kepada mereka yang dapat membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, produktif dan cekap (Tengku Mohd Azman Shariffdeen, 1991). Malah perubahan ini dapat membantu para pendidik menangani masalah perbezaan wujud dikalangan pelajar dalam usaha untuk mempelbagaikan dan mengindividukan pengajaran supaya perbezaan tersebut mendapat perhatian sewajarnya (Burn, 1971).

Dalam meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran, para pendidik perlu mengetahui teknik-teknik pengajaran yang berkesan supaya proses pengajaran dapat disampaikan secara jelas dan menarik. Kini, dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, kebanyakan pensyarah cuba menukarkan bentuk pengajaran mereka kepada bentuk berpusatkan pelajar atau berpusatkan guru kepada pendekatan pengajaran yang berasaskan bahan.

Kaedah pengajaran tradisional perlu diubah kepada kaedah pengajaran berasaskan bahan seperti kaedah pengajaran bermodul. Memang di akui sekarang bahawa terdapat satu pendekatan popular dalam pendidikan iaitu penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan hakikat bahawa pelajar-pelajar memerlukan pengalaman melakukan dengan berjaya dan melakukan mengikut kebolehan sendiri, maka faedah daripada penggunaan modul adalah wajar kerana bahan ini dapat memberi pelajar kepuasan dalam menyelesaikan sesuatu dan sekurang-kurangnya dapat menolong mereka untuk memenuhi keperluan sendiri (Mohd Fauzi Abd Hamid, 1989).

Bahan-bahan modul kian mendapat sambutan daripada para pendidik dan para pelajar. Deteterline (1967) berpendapat bahawa besar kemungkinan pengembangan buku teks terancang jenis modul merupakan satu usaha yang paling berkesan dalam bidang pengajaran terancang. Lange (1967) pula, menegaskan terdapat beberapa kelebihan dalam penggunaan modul yang berkesan dan yang boleh digunakan untuk tujuan dan keadaan khusus tanpa mencetus satu revolusi kecil atau besar (dalam Mohd Fauzi Abd Hamid, 1989).

Menurut Meyer (1984), modul adalah sejenis sumber pembelajaran dan pengajaran spesifik. Ia mengutamakan unit-unit isi kandungan yang lengkap dengan kadar kecepatan pengajaran yang ditentukan oleh setiap pelajar bagi memenuhi kemampuan dan kehendak masing-masing. MPK pula adalah satu bahan pengajaran yang menitikberatkan pembelajaran secara individu yang mengambil kira perbezaan latar belakang, minat, gaya belajar dan sebagainya. Ciri-ciri yang terdapat dalam bahan MPK, membolehkan ini dipelajari mengikut taraf kemahiran pelajar secara individu (Koh Boh Soon, 1984). Ini bermakna pengajaran seseorang atau individu dapat dilakukan melalui bahan MPK.

Perlaksanaan konsep pengajaran individu yang ideal dalam bilik darjah akan meningkatkan sekiranya sesuatu mata pelajaran atau sesuatu tajuk dari mata pelajaran tertentu dipecahkan kepada beberapa tajuk kecil supaya ianya mudah diuruskan atau digunakan dan kaedah yang sistematik untuk mengendalikan diwujudkan (Burn, 1971). Perkara yang dimaksudkan ini ialah dengan menyediakan atau membina bahan serta urutan pembelajaran dalam bentuk pengajaran sendiri (MPK) atau dikenali sebagai modul. Konsep pengajaran individu iaitu ke arah mengembangkan potensi individu para pelajar secara menyeluruh dan ke tahap yang maksimum untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan (Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin, 1991).

Politeknik sendiri telah menghasilkan modul untuk keperluan pensyarah-pensyarah dan para pelajar. Di POLIMAS, pembinaan dan penggunaan modul masih dalam tempoh percubaan untuk untuk membiasakan para pelajar dan pensyarah-pensyarah terhadap penggunaan modul tersebut sebagai alat bahan bantu mengajar untuk memudahkan dan membaiki proses P&P. Manakala penggunaan teknologi multimedia dalam pendidikan sebagai alat bahan bantu mengajar masih lagi baru dan masih belum digunakan secara sepenuhnya di politeknik. Ini disebabkan oleh kemudahan asas teknologi ini belum mencukupi dan ianya melibatkan kos perbelanjaan yang agak tinggi.

Dalam usaha meningkatkan tahap pemahaman pelajar, terdapat usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujudkan kaedah pengajaran yang berkesan untuk memberi pengetahuan lebih mendalam kepada pelajar tersebut. Perkara yang dilakukan oleh pengkaji adalah menghasilkan MPK bagi mata pelajaran Keusahawanan dalam topik prosedur penubuhan Syarikat Awam Berhad. Ia bertujuan untuk memenuhi matlamat politeknik itu sendiri yang ingin menghasilkan lebih banyak modul untuk membantu para pelajar dan pensyarah sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) atau bahan sokongan dalam proses P&P.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Para pendidik sadar akan wujud perbezaan individu di kalangan para pelajar seperti dari segi minat terhadap mata pelajaran, latar belakang, gaya belajar, nilai, motivasi dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam proses P&P sebenar, kita dapati bahawa para pelajar biasanya terikat pada turutan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran sama seperti pelajar-pelajar lain.

Salah satu yang boleh digunakan untuk menangani masalah ini ialah dengan mengindividukan pengajaran menerusi pengubahsuaian yang dilakukan terhadap bahan dan aktiviti-aktiviti pembelajaran agar sesuai mengikut kebolehan para pelajar. Di samping mengekalkan pendekatan sistem yang diamalkan sekarang, langkah ini juga boleh membuat proses P&P yang lebih bersifat humanistik. Ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani (Falsafah Pendidikan Negara, 1990).

Antara langkah yang dapat dilakukan dalam usaha mengindividukan pengajaran ialah menggunakan modul dalam proses pembelajaran. Langkah ini akan membolehkan kemudahlenturan dari segi pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Kcadaan ini akan memberi para pelajar sedikit memberi kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan gaya masing-masing serta menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam sesuatu modul berkenaan agar bahan pembelajaran tersebut telah dikuasai dengan baik (Shaharom Noordin, 1990).

Selain itu, modul ini bukan hanya memberi kebaikan kepada pelajar dalam proses pembelajaran tetapi juga memberi kebaikan kepada para pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana proses pengajaran dapat dijalankan dengan lebih mudah dan menarik kerana ia mempunyai panduan belajar yang terdapat modul tersebut.

Menurut Mohd Yusof Sermaet (2000), penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu yang baru. Ianya telah dipraktikkan khususnya di IPTA. Modul dihasilkan adalah untuk membantu memudahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutama kepada para pelajar lebih suka mengulangkaji pelajaran dengan menggunakannya pembelajaran secara individu. Sesetengah para pelajar lebih suka menggunakan modul untuk belajar sendiri daripada mendapat ilmu pengetahuan daripada guru atau pensyarah.

Menurut Rogery yang dipetik dari Quek Phang Hwee (2002), pembelajaran yang sebenarnya merupakan suatu proses yang bersifat individu. Para pensyarah sebagai pembimbing atau fasalitor kepada para pelajar untuk memberi ilmu pengetahuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala pelajar itu sendiri yang akan menentukan sama ada mereka faham atau pun tidak semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Jika berada dalam situasi pelajar terlampau ramai dalam kelas ini akan menyukarkan para pensyarah untuk menyampaikan maklumat kepada mereka. Penggunaan bahan sokongan seperti modul pengajaran dapat membolehkan pelajar belajar secara individu. Oleh itu, kewujudan modul ini maka masalah ini akan dapat diatasi.

Di politeknik, penghasilan modul masih lagi dalam tempoh percubaan terutama di POLIMAS. Penggunaan modul di laksanakan secara berperingkat-peringkat. Pada semester Jun 2003, penggunaan sepenuh modul telah mula digunakan untuk para pelajar

dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Perdagangan. Tetapi modul yang dihasilkan ini masih lagi terdapat kekurangannya dan perlu penambahbaikan dari semasa ke semasa supaya lebih menarik dan berkesan. Modul ini dihasilkan oleh jawantankuasa yang terdiri daripada para pensyarah politeknik di seluruh Malaysia yang di lantik oleh JPTeK.

Selain itu, para pelajar juga berpendapat bahawa mereka lebih gemar menggunakan modul bercetak berbanding modul disediakan dalam bentuk CD atau bersifat elektronik. Ini kerana tidak semua dikalangan pelajar politeknik mempunyai kemudahan komputer sendiri. Ini mungkin disebabkan oleh, kos komputer yang tinggi bagi pelajar yang tidak berkemampuan dan komputer ini juga sukar untuk dibawa ke mana-mana untuk dibaca terutama pada minggu peperiksaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Proses P&P tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai masalah baik di pihak pelajar, pengajar atau pun alat bahan bantu mengajar (ABBM). Hal ini turut diakui oleh Theresa A. Shotwcel (1999), dalam Nurul Hayati Shamsuri (2002), yang mengatakan bahawa terdapat pelbagai masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, proses pengajaran sentiasa melibatkan interaksi yang aktif antara individu yang terlibat iaitu pelajar dengan pengajar. Malangnya, interaksi aktif yang amat diharapkan berlaku dalam proses P&P jarang-jarang sahaja berlaku. Para pelajar didapati pasif semasa proses P&P tersebut dan inilah yang menjadi permasalahan kepada kegagalan untuk mencapai matlamat sesuatu proses pembelajaran (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias, 2000). Menurut Nor Rizan Mohd Idris (2002) pula, dalam pengajaran tradisional, pensyarah lebih aktif berbanding pelajar kerana perlu memberi

penerangan jelas manakala pelajar pula hanya menjadi pelajar yang pasif. Dalam Proses P&P, pelajar dan pengajar atau pensyarah perlu wujud interaksi dua hala agar pelajar dapat lebih mudah memahami tentang perkara yang dipelajari. Penggunaan modul boleh membantu pelajar dengan mengalakkan mereka membaca terlebih apa yang dipelajari dahulu sebelum proses P&P dijalankan di kelas.

Penggunaan modul bercetak di POLIMAS masih dalam peringkat tempoh percubaan untuk digunakan kepada para pelajar dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Perdagangan. Jadi melalui kajian ini, pengkaji telah menghasilkan sebuah modul mata pelajaran Kesusahawanan bagi topik prosedur penubuhan Syarikat Awam Berhad sama ada sesuai ataupun tidak digunakan oleh pelajar untuk memenuhi kehendak pembelajaran mereka.

Modul merupakan satu jenis bahan yang dapat membantu pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan gabungan prinsip-prinsip pengajaran terancang dan pengajaran individu (kendiri). Dalam membina sesuatu modul memang tidak boleh elak daripada masalah. Menurut Mohd Fauzi Abd Hamid (1989), satu masalah yang timbul apabila hendak menyediakan modul untuk kegunaan pelajar ialah mereka adalah terdiri daripada berbagai-bagai latar belakang, kebolehan, minat, pengetahuan sedia ada dan cita rasa yang berbeza.

Perkembangan teknologi pendidikan di Malaysia merupakan perkembangan yang positif dalam membantu para pelajar dan pensyarah-pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan alat teknologi pendidikan seperti komputer, rakaman video, projektor overhead, rakaman kaset dan lain-lain lagi sebagai bahan sokongan atau alat bahan bantu mengajar (ABBM) untuk membaiki proses pembelajaran. Contohnya, penggunaan modul pengajaran kendiri berbantuan komputer sedang atau telah digunakan terutama di IPTA dan sedang diperluaskan secara berperingkat-peringkat di

politeknik. Tetapi pada masa yang sama, modul bercetak masih diperlukan kerana ianya lebih berkesan dan mudah dibawa ke mana-mana sahaja. Kewujudan alat teknologi pendidikan hanya sebagai bahan sokongan kepada modul bercetak. Di dapati, penggunaan modul bercetak masih lagi dapat bertahan sampai sekarang dan tidak dapat menggantikannya secara keseluruhan. Ini kerana modul bercetak tidak bergantung kepada teknologi atau peralatan untuk digunakan. Ia boleh berdiri sendiri berbanding modul berbantuan komputer yang memerlukan peralatan seperti komputer untuk digunakan (Yusup Hashim, 2002).

Berdasarkan kepada masalah yang telah dibincangkan tadi, pengkaji telah membuat produk yang dihasilkan iaitu MPK bercetak untuk mata pelajaran Keusahawanan bagi topik prosedur penubuhan Syarikat Awam. Secara umum kajian ini, mengenalpasti kebolehlaksanaan MPK daripada aspek pemahaman, isi kandungan, mesra pengguna dan aktiviti pembelajarannya. Selain itu, mengkaji pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan MPK dalam proses pembelajaran.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, diharap dapat menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah MPK yang dihasilkan ini bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu pelajar semester 6, Diploma Akauntansi bagi meningkatkan pemahaman mengenai prosedur penubuhan Syarikat Awam Berhad?

Kebolehlaksanaan MPK adalah dari segi :-

- a. Pemahaman
- b. Isi kandungan
- c. Bersifat mesra pengguna



## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. (2000) "Kamus Dewan, "Kementerian Pendidikan"  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan": Satu Analisis Lapangan Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Seminar Kebangsaan Sosioekonomi Dan IT.
- Azlina Ahmad (2000). "Penghasilan Dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Kenndiri Seni Reka Grafik Untuk Pelajar-Pelajar Institut Teknologi Swasta".Universiti Malaya. Tesis Sarjana
- Barjoiyi Bardai (2000). Keusahawaan dan Perniagaan. Pengurus, Peniaga dan Usahawan. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burn, R. (1971) "Method for Individualizing Instruction." Educational Tecnology, June. Hlm. 55-56
- Ee Ah Meng (1992). PEDAGOGI : Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1996). Psikologi Pendidikan II (Semester II). Konsep Pengajaran dan Pembelajaran: Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi 11, Pelaksanaan Pengajaran*: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran: Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamdi Kamil (1990). "Keberkesanan Program Pengayaan Alam dan Manusia secara Bermodul untuk Murid-Murid Pencapaian Tinggi Tahun Lima". Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). "Pusat latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Boh Boon (1984). " Bahan Pengajaran Kendiri Terancang ." Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Krejcie. R.V. & Morgan. D. W. (1970). Determine Sample Size For Research. Educational And Psychological Measurement. 607 – 610.

- Mahashim Bajuri (1985). *Pengurusan Perniagaan. Langkah Memulakan Perniagaan.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Mastura Ghazali (1999). "Lebih 58% Borang Permohonan Penubuhan Syarikat Ditolak". Laporan Pendaftar Syarikat.
- Meyer G. Rex (1984). "Module From Design to Implmentation, Colombo Plan Staff College For Technical Education, Singapore.
- Mohd Fauzi Abd Hamid (1989). "Kaedah Pembelajaran dengan Menggunakan Modul." WAWASAN : Alor Setar: Pusat Sumber Penndidikan Negeri.
- Mohd Yusof Sermaet (2000), "Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri (Lukisan Hamparan) Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Satu Tinjauan ." Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd. Majid Konting (1998). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Siri Pendidikan: Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohammad Najib (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Sekudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Song Sang (2002). " Pendidikan Perguruan : Pedagogi Untuk Diploma Perguruan". Kuala Lumpur: IBS Publication.
- Nor Rizan Mohd Idris. (2002). "Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Pengiklanan (1999). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri Dalam Menyelesaikan Masalah (MPP) Di Politeknik Port Dickson. Kolej Universiti Teknologi Tun hussein Onn: Tesis Ijazah Sarjana. 89-105.
- Nor Shamsun Haji Lateh (1996). " Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan: Kajian Kes Program Siswaniaga UUM". Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, UUM.
- Nurul Hayati Binti Shamsuri (2002). *Penghasilan Dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Pengenalan Kepada Perakaunan: Satu Kajian Kes Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan.* KUiTTHO: Tesis Sarjana.
- Quek Phang Hwee. (2002). *Modul Pengajaran Multimedia Bahan Kimia Untuk Pengguna.* KUSTEM, UPM. Tesis Ijazah Sarjana Muda.

- Shaharom Noordin (1990). "Buku Kerja – Modul : Pengajaran Individu." Skudai : Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaharom Bin Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1991). "Ke arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul." *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 7. hlm 89-105.
- Shaharom Noordin & Yap Kueh Chin (1993). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran." *Jurnal Guru*. M/s 325-331
- Shaharom Noordin (1994). "Sikap Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bermodul: Satu Kajian Rintis". *Jurnal Guru*. M/s 400-408.
- Shaharom Bin Noordin (1994) "Penghasilan Dan Penilaian keberkesanan modul Pengajaran Kendiri Fizik Di Kalangan Pelajar Berbeza Kebolehan Dan Jantina Pada Peringkat 4". Tesis Sarjana.
- Shaharom Noordin (1994). "Pengajaran Bermodul: Satu Inovasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Fizik di Sekolah Menengah". Dibentangkan di Seminar Pendidikan Sains dan Matematik, Universiti Teknogi Malaysia, Skudai, Johor. 27 Mei 1994.
- Shahrom Noordin (1995). "*Pengajaran Individu Menggunakan Modul Pengajaran Kendiri di Sekolah Menengah*". Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Nasional Ke 5 Pengurusan Pendidikan : Literasi Sainifik dan Teknologi Dalam Pengurusan Pendidikan : Cabaran dan Harapan di Institut Aminudin Baki, 28-30 November.
- Sharifah Alwiah Alsagof (1991). "*Pengenalan Pengajaran Individu Dengan Tumpuan Khas Kepada modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran .*" *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 1: 46-57.
- Shahrifah Zainab Syed Abdul Rahman (2000). "Penghasilan Dan Penilaian Formatif Modul Pembelajaran Kendiri Hukum Tajwid Nun Sakinah Dan Tanwin Serta Minm Sakinah di dalam Pendidikan Islam KBSM". Universiti Malaya Tesis Sarjana.
- Tengku Mohd Azman Shariffadeen (1991). "Information Tecnology and Education The Emerging Malaysia Scenario." Kertas Kerja Dibentangkan Di Simposium Kebangsaan Komputer dalam Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia, 19-21 November 1991.
- Webster, A.L. (1998). "Applied Statistics for Business and Economics: An Essentials Version – 3<sup>rd</sup> ed". Singapore: Mc Graw-Hill.

- Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagof (1999). Pendidikan Jarak Jauh: Teori & Amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusup Hashim (2002). Siri Pendidikan Fajar Bakti. Teknologi Pengajaran. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias (2000). Pengajaran-Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Asas Ekonomi. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). Analisis Data Berkomputer, SPSS 11.5 for Window. Universiti Teknologi Malaysia. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Zuani Ishak & NorAziah Abd. Manaf (2001). Asas Amalan. Kesetiausahaan Syarikat. Sintok: Sekolah Perakaunan. Universiti Utara Malaysia.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH